

08/12/2003

Pemilik ladang disaran ternak lembu cara moden

KLUANG: Pemilik tanah yang mengusahakan tanaman kelapa sawit digalak menjalankan kegiatan sampingan lain, terutama menternak lembu menggunakan kaedah teknologi moden.

Ia bukan saja boleh meningkatkan taraf ekonomi pengusaha, malah membantu menjimatkan aliran keluar wang negara mengimport daging yang dianggarkan berjumlah RM2 bilion setahun.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, usaha mengurangkan import daging dilaksanakan Kementerian Pertanian dengan memperkenalkan kegiatan ternakan lembu secara integrasi dalam ladang sawit beberapa tahun lalu.

"Bagaimanapun, kita mendapati usaha kementerian memperkenalkan kegiatan berkenaan di kalangan pengusaha ladang serta pemilik tanah kurang mendapat sambutan.

"Masalah utama dihadapi penternak tempatan menjayakan usaha itu ialah sukar memperoleh kawasan luas untuk dijadikan ladang ternakan serta membabitkan perbelanjaan besar.

"Namun, ia bukan mustahil kerana sudah ada bukti sebuah syarikat swasta yang berminat serta sanggup mengeluarkan belanja sendiri menceburi kegiatan menternak lembu secara komersial," katanya selepas melawat ladang ternakan lembu milik Kris Agritech Sdn Bhd (KASB), di Padang Hijau, dekat sini semalam. Hadir sama Pengerusi KASB, Tan Sri AP Arumugam.

Jenis lembu yang diternak di ladang milik KASB adalah baka baik serta bermutu tinggi dari Argentina yang dapat mengurangkan import daging beku.

KASB mengambil alih ladang ternakan seluas 400 hektar daripada Jabatan Perkhidmatan Haiwan pada Oktober lalu dan kini mempunyai 1,400 ekor lembu daging baka Brangus yang diimport dari negara Amerika Selatan itu.

Baru-baru ini, KASB mengimport 1,000 lagi baka lembu sebagai usaha memperbesarkan kegiatan ternakan di ladang yang terletak di Jalan Kluang-Mersing itu.